

# Terap konsep jihad berlandaskan syariah kepada pelajar universiti

**KUALA LUMPUR 9 Mac** - Kementerian Pendidikan amat dialu-alukan untuk menerapkan konsep jihad sebenar yang berlandaskan syariat Islam seperti jihad menimba ilmu, melawan hawa nafsu dan sebagainya kepada penuntut institusi pengajian tinggi (IPT).

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Perlis (Unimap), **Farizah Abdul Rahman** berkata, hal ini demikian kerana jihad adalah istilah dalam Islam yang membawa maksud perjuangan atau pengorbanan ke arah kebaikan.

“Walau bagaimanapun, terma jihad sering disalahgunakan oleh pihak tertentu yang mempunyai agenda tersendiri sebagaimana kumpulan militan Negara Islam (IS) yang semakin menular dalam kalangan masyarakat negara ini dan golongan yang sering menjadi mangsa adalah mahasiswa sendiri.

“Oleh itu, amat penting bagi pihak universiti, kerajaan dan pihak berkepentingan untuk menganjurkan kempen yang boleh memberi kefahaman serta penjelasan teliti mengenai jihad kepada mahasiswa agar tidak sekali-kali terpengaruh dengan unsur jihad yang bertentangan dengan maksud sebenarnya,” katanya ketika dihubungi *Utusan*

*Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh menyarankan supaya pemahaman mengenai agama Islam secara menyeluruh khususnya konsep jihad perlu diterapkan dalam kalangan penuntut IPT di negara ini bagi memastikan mereka tidak terlibat dengan IS.

Menurut Farizah, pengetahuan agama dan kerohanian secara mendalam juga perlu diterapkan dalam diri mahasiswa kerana pengisian tersebut mampu membendung gejala tidak sihat selain memberi panduan lebih jelas mengenai batas-batas yang boleh dilakukan.

“Tindakan yang dilakukan oleh IS sebenarnya merupakan satu bentuk keganasan dan pemberontakan yang sengaja ditunjukkan kepada golongan muda melalui media sosial seterusnya menarik mereka untuk menyertai kumpulan itu,” katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MPP Universiti Putra Malaysia (UPM), **Muhammad Hanif Ramlan** berkata, penerapan konsep jihad dalam kalangan pelajar IPT adalah sangat wajar kerana apa yang dilakukan oleh kumpulan militan itu telah lari dari konsep jihad serta tidak melambangkan ajaran Islam sebenar.